



28 Ogos 2025
28 August 2025
P.U. (A) 315

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CAP DAGANGAN (PENGURANGAN FI) 2025

TRADEMARKS (REDUCTION OF FEE) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CAP DAGANGAN 2019

PERATURAN-PERATURAN CAP DAGANGAN (PENGURANGAN FI) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 162(2)(f) Akta Cap Dagangan 2019 [*Akta 815*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cap Dagangan (Pengurangan Fi) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa mulai 1 September 2025 hingga 31 Disember 2025.

Pengurangan fi

2. Tertakluk kepada peraturan 3, fi bagi permohonan pendaftaran cap dagangan bagi setiap kelas barang-barang atau perkhidmatan yang dinyatakan bagi butiran 2 dalam ruang (5) Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019 [*P.U. (A) 373/2019*] dikurangkan sebanyak tiga ratus ringgit.

Syarat pengurangan

3. (1) Jika permohonan pendaftaran cap dagangan dibuat bagi suatu siri cap dagangan, pengurangan fi di bawah peraturan 2 tidak boleh terpakai bagi cap dagangan yang kedua dan seterusnya dalam siri cap dagangan itu.

(2) Pengurangan fi di bawah peraturan 2 tidak boleh terpakai melainkan jika permohonan pendaftaran cap dagangan dibuat—

(a) oleh mana-mana individu, perkongsian, persatuan, pertubuhan perbadanan atau institusi yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam arahan amalan Pendaftar;

(b) selepas mematuhi tatacara tambahan yang dinyatakan dalam arahan amalan Pendaftar; dan

(c) di kaunter.

Dibuat 28 Ogos 2025
[KPDN.100-1/1/33; PN(PU2)316/VI]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

TRADEMARKS ACT 2019

TRADEMARKS (REDUCTION OF FEE) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraph 162(2)(f) of the Trademarks Act 2019 [*Act 815*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Trademarks (Reduction of Fee) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation from 1 September 2025 to 31 December 2025.

Reduction of fee

2. Subject to regulation 3, the fee for an application for registration of trademark for each class of goods or services as specified for item 2 in column (5) of the First Schedule to the Trademarks Regulations 2019 [*P.U. (A) 373/2019*] is reduced by three hundred ringgit.

Condition of reduction

3. (1) Where an application for registration of trademark is made for a series of trademarks, the reduction of fee under regulation 2 shall not apply to the second and subsequent trademarks in the series of trademarks.

(2) The reduction of fee under regulation 2 shall not apply unless the application for registration of trademark is made—

(a) by any individual, partnership, association, body corporate or institution that fulfils the criteria as specified in the practice directions of the Registrar;

(b) after complying with additional procedures as specified in the practice directions of the Registrar; and

(c) over the counter.

Made 28 August 2025
[KPDN.100-1/1/33; PN(PU2)316/VI]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Minister of Domestic Trade and Cost of Living